

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1991/92

Oktober/November 1991

ZSE 366/3 - Ilmu Geofizik Bumi Pepejal I

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini. Jawab mana-mana EMPAT soalan sahaja. Kesemua empat soalan wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Dari pada persamaan yang berikut:

$$\rho \frac{\partial^2 u_i}{\partial t^2} = \sum_{j=1}^3 \frac{\partial P_{ij}}{\partial x_j}$$

$$P_{ij} = \lambda \theta \delta_{ij} + 2\mu e_{ij}$$

- (i) Buktikan persamaan getaran yang berikut:

$$\rho \frac{\partial^2 \bar{u}}{\partial t^2} = (\lambda + \mu) \nabla^2 \theta + \mu \nabla^2 \bar{u}$$

- (ii) dan juga persamaan bagi gelombang P dan S

$$\rho \frac{\partial^2 \theta}{\partial t^2} = (\lambda + 2\mu) \nabla^2 \theta$$


$$\rho \frac{\partial^2}{\partial t^2} (\nabla \times \bar{u}) = \mu \nabla^2 (\nabla \times \bar{u})$$

(30/100)

- (b) Tuliskan karangan tentang model kedilatasian bagi gempabumi dan tanda-tanda pendahuluan bagi ramalan gempabumi.

(70/100)

2. (a)



Rajah 1: Perubahan halaju gelombang P di mantel atas.

Rajah 1 menunjukkan perubahan halaju gelombang S dengan kedalaman di mantel atas. Bincangkan tentang perubahan dalam kandungan mantel atas dan perhubungannya dengan perubahan dalam halaju gelombang S.

(40/100)

(b) Lukiskan lintasan bagi sinar seismik yang berikut:

PKP, PPSP, PcPS, SKIKP, PKJKP, PKiKP

(30/100)

(c) Dari pada persamaan gelombang P dan S

$$\rho \frac{\partial^2 \theta}{\partial t^2} = (\lambda + 2\mu) \nabla^2 \theta$$

$$\rho \frac{\partial}{\partial t} (\nabla \times \bar{u}) = \mu \nabla^2 (\nabla \times \bar{u})$$

buktikan bahawa persamaan ini boleh ditulis dalam bentuk

$$\rho \frac{\partial^2}{\partial t^2} \phi = \alpha^2 \nabla^2 \phi$$

$$\rho \frac{\partial^2}{\partial t^2} \bar{\psi} = \beta^2 \nabla^2 \psi$$

di mana  $\phi$  dan  $\psi$  ialah keupayaan skalar dan vektor. Tuliskan persamaan bagi gelombang satah P.

(30/100)

3. (a) Tuliskan karangan yang ringkas tentang:

- (i) Struktur dan kandungan teras luar dan teras dalam yang didapati daripada kajian seismologi dan juga kajian makmal.
- (ii) Struktur kerak bumi di kawasan daratan dan lautan.

(60/100)

(b) Daripada persamaan Herglotz-Wiechert

$$\Delta = 2p \int_{r_t}^{r_o} r^{-1} (\eta^2 - p^2)^{\frac{1}{2}} dr$$

terbitkan persamaan

$$\int_0^{\Delta} \cosh(\frac{p}{\eta}) ds = \pi \log(\frac{r_o}{r_1})$$

Huraikan bagaimana persamaan ini digunakan untuk menentukan halaju gelombang P dan S di pendalaman bumi, dan juga kes-kes di mana ia tidak boleh digunakan.

(40/100)

4. (a) Bincangkan tentang taburan suhu di pendalaman bumi, termasuk bagaimana suhu itu dianggarkan.

(40/100)

- (b) Persamaan pengkonduksian diberikan oleh

$$\frac{\partial T}{\partial t} = \kappa \frac{\partial^2 T}{\partial z^2}$$

- (i) Buktikan bahawa persamaan yang berikut ialah suatu penyelesaian bagi persamaan ini

$$T = T_0 e^{-kz} \cos(wt - kz)$$

$$\text{di mana } k = \left(\frac{w}{2\kappa}\right)^{\frac{1}{2}}.$$

- (ii) Kalau amplitud perubahan suhu tahunan,  $T_0$ , di permukaan tanah ialah  $20^\circ\text{C}$ , carikan amplitud perubahan suhu di kedalaman 10 meter ( $\kappa \sim 0.01 \text{ cm}^2 \text{ s}^{-1}$ ).

- (iii) Carikan kedalaman supaya amplitud perubahan suhu ini adalah kurang daripada  $0.1^\circ\text{C}$ .

(60/100)

5. (a) Tuliskan karangan tentang kaedah K-Ar bagi penentuan umur batu.

(70/100)

- (b) Suatu sampel hornblend mempunyai kandungan K dan Ar yang berikut:

$$\text{Kandungan K} = 20 \text{ ppm}$$

$$\text{Kandungan Ar}^{40} = 0.05 \text{ ppm}$$

Kirakan umur sampel ini:

$$\text{Berat atom kalium} = 39.102$$

$$\text{Nisbah kelimpahan K}^{40} \text{ dalam kalium} = 0.000119$$

$$\text{Berat atom Ar}^{40} = 39.9623$$

$$\lambda_e = 0.585 \times 10^{-10} \text{ y}^{-1}, \lambda = 5.31 \times 10^{-10} \text{ y}^{-1}$$

(30/100)